



Seni tulisan khat memerlukan ketelitian dan kesabaran bagi menghasilkan karya yang berkualiti.

ukiran mengikut kehendak dan keperluan semasa pelanggan demi memastikan setiap karya kaligrafi Islam diukir begitu halus serta penuh ketelitian.

"Setakat ini, kami menerima tempahan bagi ukiran tulisan khat daripada individu, syarikat ataupun jabatan kerajaan selain produk reka bentuk eksklusif seperti ukiran bunga tiga dimensi (3D), cermin muka dan cenderamata," katanya.

Yusuf Hasni berkata, di negara ini ada enam jenis khat iaitu thuluth, nasakh, khufi, reqaah, diwani dan farsi.

Katanya, keindahan kaligrafi jawi ialah warisan zaman yang patut menjadi kebanggaan masyarakat sekarang untuk diwariskan kepada generasi masa depan.

# Siswa USIM berniaga seni khat

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bharian.com.my

**K**ECENDERUNGAN terhadap seni kaligrafi Islam, khat yang diwarisi keluarganya mendorong Yusuf Hasni Montalib memberanikan diri membuka perniagaan berasaskan seni khat tiga tahun lalu.

Bernaung di bawah Syarikat Yumie Collection, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu kini semakin dikenali dalam pasaran produk kaligrafi Islam khususnya di Negeri Sembilan.

"Saya memulakan perniagaan ini dengan berbekalkan modal RM2,000 yang dikumpul sendiri dan kemahiran menulis khat yang dipelajari daripada ayah. Pada awalnya, hanya tempahan kecil diterima dengan seni khat pada pemedang, 'bunting' dan baju-t.

"Permintaan berterusan terhadap produk khat ketika

ini meningkatkan jumlah tempahan khususnya daripada syarikat, agensi kerajaan dan individu," katanya.

Beroperasi di Pusat Keusahawanan Siswa, kampus USIM di Nilai, Negeri Sembilan, Yusuf Hasni turut dibantu empat rakan lain yang berperanan mengurus tempahan dan memasarkan produk syarikatnya.

Beliau yakin produk tulisan khat akan terus mendapat sambutan menggalakkan daripada umat Islam pada masa depan dan perkembangan itu juga diharap mampu memberi pulangan lumayan kepada syarikatnya.

Yusuf Hasni turut memanfaatkan teknologi komputer bagi memodenkan seni khat dan menaikkan semula kegemilangan kaligrafi khat Islam itu.

"Seni khat sudah lama mendapat tempat di hati pencipta seni kaligrafi kerana boleh dikatakan hampir semua rumah orang Islam, masjid serta bangunan kerajaan dan swasta, menjadikannya hiasan di dinding.

"Reka bentuk dan kehalusan kaligrafi tulisan jawi bukan saja menjadikan seseorang itu terpegun memandangnya, tetapi pasti teringin untuk menjadikannya sebagai hiasan atau cenderamata," katanya.

Akur wujud persaingan dengan syarikat lain, Yusuf Hasni berusaha menampilkan kelainan dalam setiap produknya dengan corak tulisan yang lebih eksklusif.

Komitmen dan minat tinggi terhadap tulisan khat mampu membawa syarikatnya berkembang lebih besar pada masa depan.

Beliau berkata, syarikatnya juga akan terus melakukan beberapa pembaharuan dari segi corak



YUSUF Hasni menunjukkan sebahagian karya tulisan khat yang dihasilkannya.